



**KENYATAAN MEDIA
YB SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

**LARANGAN PENGGUNAAN TIDAK WAJAR
LAMBANG NEGERI PAHANG**

1. Sejak kebelakangan ini diperhatikan terdapat penyalahgunaan lambang Negeri Pahang atau jata Kerajaan Negeri Pahang oleh pihak yang tidak berkenaan atau tidak bertanggungjawab dalam media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan *WhatsApp*, penggunaan lambang dikenderaan dan lain-lain. Penyalahgunaan ini hendaklah dihentikan dengan serta merta berdasarkan enakmen seperti berikut :
 - i. Enakmen Lambang, Gelaran atau Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Pahang 2017 [*Enakmen No. 18 Tahun 2017*] telah memperuntukkan larangan penggunaan tidak wajar lambang, gelaran atau anugerah Negeri Pahang termasuklah Jata Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Jata Diraja Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang dan Jata Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur.
 - ii. Subseksyen 3(1) Enakmen No. 18 Tahun 2017 memperuntukkan bahawa walau apa pun peruntukan dalam mana-mana undang-undang bertulis, tiada seorang pun boleh, kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang —
 - (a) menggunakan apa-apa lambang, gelaran atau anugerah, atau apa-apa replika mengenainya, bagi maksud apa-apa perdagangan, perniagaan, pekerjaan, profesion atau apa-apa tujuan sosial atau persendirian;
 - (b) membuat, menempah, menghasilkan dalam apa-apa bentuk atau cara atau menggunakan atau terus menggunakan apa-apa lambang, gelaran atau anugerah, atau apa-apa replika mengenainya, dalam tajuk apa-apa paten atau apa-apa cap dagangan atau reka bentuk;
 - (c) membuat bagi maksud jualan atau menjual atau mempamer untuk jualan atau memiliki untuk dijual, apa-apa lambang, gelaran atau anugerah; atau

- (d) mempamer atau melekatkan apa-apa bahan yang mengandungi apa-apa lambang, gelaran atau anugerah, atau apa-apa replika mengenainya kepada apa-apa kenderaan.
2. Sehubungan dengan itu, mana-mana orang yang melanggar larangan penggunaan tidak wajar lambang Negeri Pahang boleh didakwa dan dikenakan hukuman di bawah subseksyen 3(2) Enakmen No. 18 Tahun 2017 yang, apabila disabitkan, boleh didenda tidak kurang daripada RM250,000.00 dan tidak melebihi RM500,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu (1) tahun dan tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya.

Sekian, terima kasih.

DATO' SRI DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK
YB Setiausaha Kerajaan Pahang
28 Julai 2021